

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH : 7.10.2014**

**SOALAN :**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kriteria kelayakan untuk memasuki ke Universiti-Universiti Awam kerana setiap tahun terdapat aduan pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang lebih cemerlang dalam SPM, Matrikulasi dan STPM tidak diterima masuk mengikuti kursus-kursus pilihan mereka berbanding mereka yang diterima masuk untuk kursus-kursus berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah menyediakan lebih banyak pilihan program kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi seperti Program Persediaan (*Foundation*, Matrikulasi, Asasi) Program Tingkatan 6, Program Peringkat Sijil (Kolej Komuniti, Politeknik, institusi pengajian tinggi swasta (IPTS)) dan Program Peringkat Diploma (Politeknik, institusi pengajian tinggi awam (IPTA), IPTS). Bagi pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pula, mereka berpeluang melanjutkan pengajian di IPTA atau IPTS dalam program pengajian peringkat Ijazah Pertama (Sarjana Muda).

Pemilihan pelajar ke IPTA, dilaksanakan berdasarkan prinsip meritokrasi, dengan menggunakan 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum untuk menjana markah merit calon. Berdasarkan prinsip meritokrasi ini, semua pemohon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, jantina, bangsa, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal layak dipertimbangkan untuk ditawarkan tempat di IPTA. Penetapan merit tidak hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata. Penentuan dibuat dengan mengambil kira kedua-dua elemen akademik dan kokurikulum calon untuk memastikan IPTA melahirkan graduan yang holistik.

Pemohon yang layak dan memenuhi **syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan** akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dimohon mengikut keutamaan dan bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Selain daripada itu, proses temu duga turut dilaksanakan di IPTA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu demi memastikan IPTA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan. Sekiranya pemohon gagal dalam temu duga berkenaan, mereka masih boleh dipertimbangkan untuk ditawarkan program pengajian lain dalam pilihan mereka atau sekiranya mereka bersetuju untuk menerima tawaran selain daripada program pengajian yang dipohon, KPM akan memastikan pemohon ditawarkan program pengajian yang bersesuaian berdasarkan kelayakan dan kekosongan tempat di IPTA.